

## SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

7 SEPTEMBER 2021, MELAKA - Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan berkaitan aduan pembakaran terbuka di 3 buah kawasan perumahan di sekitar negeri Melaka.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat aktiviti pembakaran terbuka jenis ranting pokok dilakukan sewaktu siasatan. Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka akan melakukan pencarian pemilik tanah bagi mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan surat amaran dan notis arahan berikutan pemilik tanah tidak dapat dikesan sewaktu operasi. Bagi aktiviti pembakaran terbuka jenis keagamaan pula field citation (FC) diberikan kepada pemilik rumah walaupun ia bukanlah aktiviti yang diisytiharkan sebagai pembakaran terbuka. Field citation (FC) dikeluarkan walaupun ia bukan aktiviti yang diisytiharkan sebagai pembakaran terbuka namun perlu dilakukan secara terkawal. Selain itu, penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka juga memasang banner larangan pembakaran terbuka di lokasi tersebut.

Denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan terhadap pesalah yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka. Kompaun maksimum sebanyak RM 2,000 juga boleh dikenakan.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama